

**ANALISA PENGETAHUAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
TENTANG PROFESION UKUR BAHAN**

NURJULIANA BT. MOHD NAZARI

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2006

ABSTRAK

Dalam usaha untuk mengekalkan dan meningkatkan ekonomi negara, ekonomi sektor perindustrian dan perkhidmatan perlulah sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Keperluan kepada golongan atau kumpulan yang terlibat dalam sektor ini perlu diambil kira. Maka, keperluan kepada juruukur bahan yang merupakan salah satu golongan yang terlibat dalam sektor perindustrian adalah penting. Namun, di sebalik kepentingan profesion ini, masih ramai orang tidak mempunyai pengetahuan tentang bidang atau profesion ini. Antara langkah-langkah untuk mempromosikan profesion ukur bahan adalah dengan memberi penjelasan kepada para pelajar di peringkat persekolahan. Ini bertujuan supaya lebih ramai pelajar berkeyakinan untuk memilih profesion ini sebagai prospek kerjaya mereka pada masa akan datang. Ini akan melambangkan potensi perkembangan profesion ini dalam memenuhi keperluan industri pembinaan. Disamping itu, pendedahan kepada persekitaran yang menjurus ke arah pencapaian matlamat sejak dari awal lagi adalah penting untuk melahirkan modal insan yang terbaik dari aspek kualiti, keilmuan, kreativiti dan daya saing. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar sekolah menengah mengenai profesion ukur bahan serta perkaitan di antara pengetahuan di atas dengan latar belakang pendidikan, jenis sekolah dan aliran yang diambil. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima dari 12 buah sekolah yang terdiri daripada 4 kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh. Berdasarkan analisa yang telah dilakukan, didapati bahawa hanya 35% daripada responden yang mengetahui tentang profesion ukur bahan dan lebih kurang separuh daripadanya terdiri daripada pelajar dari Sekolah Menengah Teknik serta mereka yang mengikuti aliran Sains Tulen. Pelajar-pelajar tersebut juga mencatatkan tahap pengetahuan yang sederhana dan merupakan tahap pengetahuan bagi majoriti pelajar-pelajar iaitu sebanyak 68% yang mencatatkan tahap pengetahuan sederhana.

ABSTRACT

In order to sustain and improve our country's economy, the economy of industrial and services have to be in a pleasing condition. It is important to take into account about the needs for those who are involved in these sectors. This includes to the needs of quantity surveyor who is one of the important player in the industrial sector. Besides the importance of this profession, still there are lots of people who do not know about this profession. One of the ways to promote the quantity surveying profession is to explain to students in schools stages so that more students will be confident to choose this profession as their future career. This in turn, will designate the potential growth of this profession in satisfying the construction industry's needs. Besides that, the exposure to the surroundings leading to the objective in the early stage are important to produce the best human capital from various aspects such as quality, knowledge, creativity and competitiveness. So, the purpose of this study is to identify the stage of knowledge about the quantity surveying profession among the secondary students and the relationship between the knowledge and their education background in terms of types of school and the majoring. This study is conducted by distributing questionnaires to form four and form five students from 12 schools from 4 categories of schools that are *Sekolah Menengah Harian*, *Sekolah Menengah Teknik*, *Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* and *Sekolah Berasrama Penuh*. Based on the analysis done, there are only 35% of the respondents who knows about this profession and half of it is those who are in *Sekolah Menengah Teknik* and majoring in Science Stream. They are also were those who achieved the medium stage of knowledge which are the majority stage of knowledge achieved that consists of 68% of the respondents.